

Kualiti pengajaran guru: Isu dan cabaran semasa

UB 19-4-17 84

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG
& NORMIATI BATJO

MELANGKAHNYA

seseorang murid ke alam persekolahan mereka dibimbing dan diajar oleh guru untuk menguasai pelbagai ilmu serta kemahiran mengikut peringkat berpandukan kurikulum yang telah disediakan.

Pendidik yang profesional berperanan dalam menjana corak pemikiran mereka agar mempunyai daya imaginasi yang tinggi dan berpotensi untuk membentuk visualisasi dalam pembelajaran. Ini bermaksud pengembangan kognitif murid untuk berfikir, memahami dan mengerti perlu diutamakan dan tidak hanya membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran ke arah memperoleh sesuatu maklumat.

Namun begitu, masalah berkaitan sikap murid di sekolah sama ada di bandar mahupun luar bandar kini menjadi satu isu yang membimbangkan. Masalah ini semakin menjadi-jadi walaupun pelbagai langkah telah diambil pelbagai pihak khususnya pihak kementerian, sekolah, guru, mahupun ibu bapa. Ini berlaku kerana murid terdiri daripada pelbagai latar belakang, sahsiah, intelek, jasmani, rohani, dan sosioekonomi yang berbeza. Murid turut berdepan dengan satu krisis identiti iaitu pembentukan dan pengembangan identiti diri. Gagalnya murid menghadapi cabaran ini mendorong mereka mengalami krisis kekeliruan.

Masalah tingkah laku seperti ponteng sekolah, berlaku kurang sopan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa dan kenakalan merupakan tingkah laku negatif

yang dilakukan dalam bilik darjah masih lagi berpanjangan. Guru harus menerima hakikat bahawa salah satu punca menyebabkan tingkah laku bermasalah murid ialah cara PdPc guru yang kurang menarik dan tidak terancang.

Natijahnya, menyebabkan pengajaran guru terganggu dan mendorong kepada perubahan tingkah laku murid. Oleh yang demikian itu, guru dipertanggungjawabkan untuk memberi pendidikan dan menghasilkan perubahan ke atas kendiri dan jati diri murid.

Kemelum dan cabaran terhadap isu ini turut membelenggu sistem pendidikan yang perlu ditangani dengan segera agar kecemerlangan profesion ini dapat dilestarikan. Antara isu yang dibangkitkan ialah kegagalan guru melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berkualiti, ketiadaan infrastruktur asas yang lengkap, masalah kekurangan guru berkelayakan, sumber bahan pengajaran yang terhad dan yang paling ketara adalah disebabkan perubahan kurikulum yang drastik yang sememangnya tidak berupaya membentuk sikap murid secara optimum. Akibatnya masyarakat sering menuding jari kepada warga guru apabila murid tercicir dalam pelajaran.

Secara tidak langsung, kelekaan guru terhadap tugas telah mencetuskan bibit-bibit kebimbangan terhadap keciciran dalam kalangan murid. Apabila guru dikaitkan dengan permasalahan sikap murid, maka penambahbaikan yang radikal dan berskala besar dalam bidang pendidikan terutamanya sekolah adalah sangat mendesak dan perlu dilakukan secara global. Justeru, keupayaan guru untuk mengaplikasikan pengetahuan

dan mengimplementasikan di sekolah adalah sangat penting. Perkara utama dalam melakukan penambahbaikan yang berkekalan adalah meningkatkan peranan kualiti pengajaran guru.

Terdapat guru yang mempunyai tanggapan dan bersikap ambil mudah bahawa perancangan pengajaran seperti penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) adalah tidak sepenting kawalan kelas. Hal ini menyebabkan pengajaran guru itu membosankan dan kurang kreatif disebabkan ketiadaan kepelbagaian kaedah pengajaran yang hanya berbentuk sehala yang lebih berpusatkan guru.

Kegagalan guru menyediakan teknik pengajaran yang berkesan menjadikan murid tidak menunjukkan minat, tidak bertanya, ponteng kelas dan membuat nakal di dalam bilik darjah. Malahan, PdPc akan berlaku dalam situasi sehala. Ini menunjukkan guru tidak mempunyai sikap memahami, menghormati dan tidak melihat kemampuan muridnya dalam menyampaikan pengajarannya.

Perubahan sikap yang ditunjukkan oleh murid khususnya dalam bilik darjah juga didorong oleh pendekatan pelaksanaan pedagogi secara tradisional. Pendekatan ini menyuntik rasa bosan dan tidak berminat untuk belajar kerana terpaksa membawa banyak maklumat dan fakta untuk dihafal yang perlu diingati. Pembelajaran seperti ini menyebabkan pembelajaran berlaku secara cetek dan murid mendapati isi kandungan pembelajaran sangat abstrak, membosankan dan amat sukar untuk mengaitkan masalah dengan persekitaran yang nyata. Sikap negatif murid terhadap proses pembelajaran dapat dilihat melalui kehadiran yang menurun dan pencapaian

akademik yang rendah.

Selain itu, cara dan gaya guru mengajar di dalam bilik darjah kini lebih kepada memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk dan lebih berorientasikan peperiksaan. Pengajaran guru kurang memberi pendedahan tentang kemahiran, teknik, dan strategi khususnya bagi mata pelajaran yang memerlukan kaedah seumpama ini contohnya Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Kebanyakan guru masih kurang jelas tentang kandungan ilmu mata pelajaran yang mereka ajar seterusnya lebih menerapkan pengalaman yang dialami ketika mereka dibangku sekolah dahulu sebagai asas pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Akhirnya, murid bosan berada di dalam bilik darjah dan tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran disebabkan corak dan pola pengajaran guru mereka membosankan.

Jelaslah bahawa kaedah pengajaran guru perlu mengalami proses transformasi. Adalah disyorkan agar kaedah pengajaran yang berpusatkan guru perlu diubah kepada berpusatkan murid bagi memastikan mereka memahami dan merasakan kepentingan sesuatu mata pelajaran yang dipelajari bukan sahaja di dalam peperiksaan tetapi juga di dalam kehidupan sebenar. Strategi pengajaran konvensional menyebabkan topik yang diajar tidak menarik di samping menjadikan murid tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran. Guru perlu lebih berinovasi dan mengurangkan kaedah pengajaran yang lebih ke arah konvensional. Hal ini menyebabkan murid akan menjadi lebih pasif.

Guru memainkan peranan penting dalam mengesan kebolehan, kemajuan, dan

pencapaian murid di dalam ataupun di luar bilik darjah. Guru juga bertanggungjawab menentukan hasil pembelajaran yang hendak dinilai, melapor dan membuat tindakan susulan terhadap hasil yang telah dicapai oleh murid. Di samping itu, melalui aktiviti penilaian yang telah dilaksanakan, guru dapat memastikan perkembangan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek intelek, rohani, emosi, jasmani, dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pergolakan yang berlaku sehingga ke hari ini ialah kedegilan guru yang sudah selesa dengan hanya mengajar di dalam bilik darjah tanpa membuat sebarang bentuk penilaian murid yang boleh dijadikan ukuran peringkat pencapaian dan kedudukan antara murid di samping kegagalan dalam proses menentukan perubahan tingkah laku murid itu sendiri. Contohnya, transformasi pendidikan yang telah dilaksanakan sejak 2010 iaitu KSSR adalah dengan melaksanakan sistem penilaian murid berasaskan sekolah (PBS) bagi mengatasi sistem pendidikan kini yang berorientasikan peperiksaan.

Penyumbang lain kepada masalah pembentukan sikap murid ialah kegagalan guru untuk mengurus tadbir bilik darjah supaya ianya lebih kondusif dan memberi keselesaan yang optimum kepada murid. Guru yang profesional haruslah mempunyai kemahiran profesional iaitu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam banyak aspek, bukan sahaja mata pelajaran yang diajarnya. Kemahiran profesional yang dimaksudkan antaranya ialah pakar dalam mengurus bilik

darjah.

Peredaran masa telah membawa bersama transformasi pendidikan khususnya ke abad 21 yang mendorong berlaku perubahan drastik dalam PdPc di Malaysia. Kualiti pengajaran guru dalam mengurus pengajaran perlu melihat bukan saja menyampaikan ilmu yang diajarkan tetapi perlu merancang pengajaran itu ke arah pembentukan sikap pembelajaran murid.

Jika ini berlaku, guru tidak mampu bertahan lama sekiranya berlaku pengabaikan kepada kualiti PdPc khususnya terhadap pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Guru hendaklah mewujudkan kualiti persekitaran bilik yang lebih kondusif serta mempamerkan personaliti yang boleh dicontohi oleh muridnya.

Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa guru yang kreatif dan bersedia dengan pelbagai teknik pengajaran dapat mempengaruhi suasana pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang bakal berlaku dalam bilik darjah. Tumpuan dan semangat yang ditonjolkan oleh murid akan lebih bermakna jika guru yang ada di hadapan mereka tampil dengan gaya yang luar biasa seterusnya menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai dan menarik dari semasa ke semasa.

Maka, tidak dapat dinafikan seorang guru yang berdedikasi dan sering menjadi ikon murid kerap menampilkan pembaharuan. Teknik pedagogi mereka berjaya membentuk sikap pembelajaran murid seterusnya proses P&P guru tersebut akan menjadi halwa mulut dalam kalangan murid dan guru.

* Penulis adalah pensyarah kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah